



NANTIKAN PROJEK BARU: Encik Danial Ariffin Azman sentiasa menerima projek baru dengan tangan terbuka kerana ia merupakan satu cara di mana beliau mengasah bakat yang ada di samping memperluas rangkaian kenalan. – Foto ihsan DANIAL ARIFFIN AZMAN

Jauh perjalanan seni siswa Lasalle, lagi luas pemandangan

SISIPAN laungan azan bakal berku-
mandang dengan irama yang menggam-
barkan waktu fajar pula kedengaran.

Ada juga muzik ala bangsawan den-
gan bacaan syair diperdengarkan.

Gesekan selo sayu mendayu secara so-
lo juga dijangka.

Inilah antara sajian muzik ciptaan
siswa kursus Sarjana Muda Sastera
(Kepujian) dalam Ciptaan dan Susunan
Muzik di Maktab Seni Lasalle, Encik Da-
nial Ariffin Azman, sempena persembahan
resital tahun akhirnya pada 18 April
ini.

Encik Danial, 28 tahun, yang menga-
nggap pemimpin orkestra legenda, Allah-
yarham Ahmad Jaafar sebagai idolanya,
menggunakan tema pertembungan muzik
Timur dengan Barat yang dekat di hati-
nya.

Resital itu berlangsung selama 22
minit dan dimuatkan dengan ciptaan asli
beliau.

Mauduk pertembungan Timur dan Ba-
rat ini juga teras tesis tahun kepujian be-
liau dalam meneroka identiti muzik baru
yang dihasilkan dengan menggabungkan
unsur tradisional bangsawan dan dikir bar-
at.

Irama sebegini kemudian diadunkan
dengan muzik Barat.

Ketika ditemui di Lasalle kelmarin, En-
cik Danial menjelaskan muzik memang
dekat di hatinya kerana pendedahan aw-
al di orkestra beliau tempatan.

“Walaupun saya mengambil kursus
pengajian perniagaan dan pengurusan
acara di Institut Pendidikan Teknikal

(ITE), muzik sudah mendarah daging
dalam diri saya sejak remaja lagi.

“Kadangkala ada yang hairan bagaima-
na anak muda seperti saya boleh meng-
hargai muzik lama dari era Kartina Daha-
ri, Black Dog Bone dan Zubir Said sedan-
gkan saya dilahirkan pada tahun
1990-an.

“Saya pernah menonton arwah Ah-
mad Jaafar memimpin orkestra. Impian
saya menjadi seperti ini dalam menentu-
kan arah tuju sesuatu persembahan lagu.

“Meskipun teknik rakaman pada
masa itu tidak secanggih sekarang, ada se-
suatu yang berharga disisipkan dalam
muzik lama.

“Ia membuatnya kekal malar sega-
r jika ditinjau dari sudut irama mahupun
liriknyanya,” jelas Encik Danial.

Bagi tesisnya, beliau antara lain berte-
mu dengan pemenang Anugerah Jauhari
Harapan *Berita Harian*, Cik Syafiqah
'Adha Mohamed Sallehin yang juga gigih
mencipta karya baru dengan mengga-
bungkan muzik dikir barat dengan irama
Barat moden.

Encik Danial teruja dengan setiap pe-
ngalaman dan peluang yang diperolehi,
baik ketika bersama Orkestra Melayu
Singapura (OMS) dan sayap belianya,
OMS Belia.

Beliau yang kini pengarah muzik ber-
sekutu di perkumpulan seni Nusantara
Arts, juga menghargai peluang berada di
sayap seni Angkatan Bersenjata Singapu-
ra (SAF), Music & Drama Company.

“Selama dua setengah minggu, saya
mengikuti pancaragam SAF ke Rock-
hampton bagi pelbagai acara termasuk

persembahan percuma buat tontonan ra-
mai.

“Kami paparkan muzik Singapura
yang menetengahkan identiti penduduk
Melayu, India dan Cina. Ada juga lagu
ciptaan karyawan muzik Australia yang
disajikan.

“Lawatan itu membuka mata saya ten-
tang usaha mengenalkan muzik Singapu-
ra di negara asing,” katanya.

Menurut Encik Danial lagi, rangkaian
kenalannya, baik pemuzik mapan mahup-
un baru, banyak memberi inspirasi dan
peluang buatnya memperluas bakatnya.

Beliau misalnya menghargai tawaran
pemimpin pancaragam dan pengarah
muzik program televisyen, Encik Syawal
Kassim, agar beliau menyusun semula
lagu bagi program *Juara Mic Junior* dan
Anugerah.

Penyanyi dan juga lulusan Lasalle,
Bakti Khair, juga sumber inspirasinya ke-
rana menyebar ilmu secara berkesan kepa-
da kanak-kanak.

“Saya bertekad menjadi guru muzik
selepas tamat pengajian kerana suka ber-
kongsi ilmu dengan generasi mendatang.

“Bekerjasama dengan karyawan muzik
seperti Abang Syawal dan Kak Ann
Hussein memberi saya pengalaman baru.

“Tugas yang dikendalikan ini perlu-
kan keberanian menyusun semula se-
suatu yang sedia ada dan menggabung-
kannya dengan idea baru.

“Banyak projek baru yang saya nanti-
kan selepas tamat pengajian. Ia memberi
saya semangat bagi terus mencipta dan
meneroka sesuatu yang bermakna buat
persada muzik tempatan,” katanya lagi.